

Headline	Tarif elektrik baharu tak bebankan rakyat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Jan 2022	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	4
ArticleSize	258 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,085		



Tarif elektrik baharu tak bebankan rakyat

KOTA BHARU – Kerajaan bakal mempertimbangkan kembali kadar tarif elektrik negara ini bagi tempoh 2022 sehingga 2024 dalam usaha untuk mengurangkan beban yang ditanggung rakyat ketika ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kerajaan sudah membuat keputusan mengenai tarif elektrik untuk tempoh tiga tahun itu dan ia bakal diumumkan dalam masa terdekat.

Katanya, ini kerana, kerajaan sudah mengkaji dengan mengambil kira keadaan negara ini yang baru pulih daripada pandemik Covid-19 dan krisis ekonomi.

"Pengumuman mengenai tarif elektrik itu akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa terdekat.

"Jumlah keseluruhan pengguna elektrik di seluruh negara dianggarkan sebanyak 8 juta dan 85 peratus daripadanya merupakan pengguna domestik, manakala selebihnya untuk kegunaan komersial dan industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas

Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Kelab di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu, Jalan Bayam, di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu berkata, beliau memberi jaminan kerajaan tidak akan membebankan rakyat terutama pemegang akaun domestik sekiranya ada beberapa pengubahsuaian selepas ini.

Menurutnya, bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan pengguna elektrik bagi komersial dan industri akan menghadapi pengubahsuaian kadar tarif elektrik selepas ini.

Dalam perkembangan lain, Takiyuddin berkata, semua bekalan elektrik di lokasi yang terjejas banjir termasuk Selangor dan Pahang sudah pulih 100 peratus sama ada mereka yang menggunakan aliran biasa atau jana kuasa mobil.

"Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) ketika ini dalam tempoh untuk membaik pulih tiang elektrik yang terjejas dan melibatkan kos ratusan juta ringgit," ujarnya.



TAKIYUDDIN (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang wakil NGO di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Kota Bharu, Jalan Bayam di Kota Bharu semalam.